

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL GHAPUR BIN HAJI SALLEH [KALABAKAN]
TARIKH : 25.5.2016
SOALAN :

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah kementerian telah mengambil tindakan terhadap 400 buah sekolah di Sabah yang begitu daif sekali yang ditimbulkan pada sesi lalu serta mengenal pasti semua sekolah tersebut justeru apakah keputusan kementerian .

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada 416 buah sekolah daif yang dikenal pasti di negeri Sabah sehingga Februari 2016, sebanyak 26 buah sekolah telah dibaiki dengan menjalankan kerja-kerja pembaikan blok bangunan yang kritikal. Fokus Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) adalah untuk mengurangkan jumlah sekolah daif dengan mengemukakan permohonan projek gantian penuh bangunan daif kayu yang kritikal. Sehubungan itu, sebanyak 23 projek gantian penuh telah mendapat kelulusan dalam *Rolling Plan* Pertama (RP1) 2016-2017. Antara sekolah daif yang mendapat kelulusan adaiiah SK Nampasan, Ranau dan SK Kebagu, Kota Kinabalu.